

Pemimpin UMNO jamin tak rebut jawatan TPM

UM 4 JUL 2002
Oleh ZULKIFLI JALIL
dan MARHAINI
KAMARUDDIN

SUBANG 3 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, para pemimpin kanan UMNO telah memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku perebutan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO semasa proses peralihan kuasa selesai Oktober tahun depan.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO menjelaskan, beliau telah mendapat persetujuan daripada pemimpin UMNO bahawa tidak akan ada perebutan kuasa atau apa-apa yang tidak manis dalam parti selepas tempoh berkenaan.

Beliau berkata, komitmen itu dinyatakan dalam pertemuan antara anggota-anggota Jawatankuasa Pengurusan

UMNO dengan beliau di Seri Perdana, Putrajaya pada 23 Jun lalu.

Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa beliau menyokong penuh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengambil alih kepimpinan negara dan yakin penggantinya itu turut disokong oleh barisan kepimpinan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

Kesediaan

Katanya, kriteria utama Abdullah dipilih ialah kerana Timbalannya dipilih oleh UMNO sebagai Timbalan Presiden selain mereka berdua sudah lama bekerjasama.

“(Selain itu), ada satu masa saya tanya Abdullah... sudah agak lama juga, adakah dia bersedia untuk mengambil alih dan dia menyatakan kesediaannya untuk ambil alih,” katanya.

Beliau berkata demi-

kian ketika berucap di hadapan orang ramai termasuk penyokong UMNO dan BN setibanya dari bercuti luar negara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Pertemuan di Putrajaya sebelum Perdana Menteri bercuti ke luar negara itu dihadiri oleh Abdullah dan tiga Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Turut serta, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub.

Majlis Tertinggi UMNO dalam sidang khasnya 25 Jun lalu menerima hasrat Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan sebagai

Perdana Menteri dan Presiden UMNO selepas Oktober 2003.

Keputusan beliau menamakan Abdullah sebagai penggantinya juga dihormati dan disokong penuh.

Menurut Dr. Mahathir, beliau bersyukur kerana proses peralihan kuasa kepimpinan di Malaysia berjalan lancar tanpa menimbulkan masalah.

Tenang

Kelancaran itu tidak terdapat di negara-negara lain yang kebiasaannya menyebabkan huru-hara dan perebutan kuasa.

“Semua ini kerana tuapan penyokong kuat kepada BN serta kerajaan dan sokongan kuat inilah membolehkan kita menadbir negara kita semasa aman, tenang, krisis dan pertukaran pemimpin kerajaan,” katanya.

Beliau menarik perha-

tian bahawa sebenarnya masih banyak lagi yang perlu diusahakan untuk membangunkan negara.

Ini kerana beliau percaya Malaysia berpotensi besar untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.

“Jika tiada perbalahan antara kita dan sokongan yang kuat diteruskan, insya-Allah rakyat akan nikmati segala kemudahan dalam negara ini,” ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, beliau berharap dapat bertemu dengan lebih ramai penyokong UMNO dan BN selepas ini bagi menjelaskan dasar-dasar kerajaan.

“Selama 10 hari (bercuti), saya sempat untuk berfikir panjang dan saya berpendapat keputusan yang saya buat ini adalah baik untuk kita semua, negara, rakyat serta kemajuan bersama dalam negara kita ini,” katanya.